

08 MAY 1998

Mahathir-Tiba/I

MAHATHIR DI MESIR UNTUK LAWATAN RASMI DAN HADIRI SIDANG G-15

Oleh: Azman Ujang

KAHERAH, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada pukul 5 petang waktu tempatan untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Mesir dan selama tiga hari selepas itu menghadiri sidang kemuncak kumpulan negara-negara membangun G-15.

Ketibaan Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali disambut oleh rakan sejawatannya Dr Kamal Ahmed Al Ganzoury, para pegawai kanan Mesir dan duta Malaysia di sini Azman Nazir.

Esok Dr Mahathir dan Dr Ganzoury akan mengetuai delegasi masing-masing bagi perbincangan dua hala yang akan memberi tumpuan kepada perluasan hubungan ekonomi dan kebudayaan antara kedua-dua negara.

Kedua-dua Perdana Menteri itu akan menandatangani perjanjian julung kalinya mengenai sains dan teknologi antara kedua-dua negara dan satu memorandum persefahaman mengenai kerjasama dalam hal ehwal Islam.

Beliau akan mengunjungi Presiden Hosni Mubarak sebelum berucap pada jamuan tengah hari yang dianjurkan Persekutuan Dewan Perniagaan Mesir.

Dr Mahathir kemudian akan merasmikan kedai pameran pertama Perodua Kancil, di sini, kereta nasional kedua Malaysia, yang memasuki pasaran Mesir dengan jualan pertama 80 unit kereta pada Januari.

Pada Ahad, Perdana Menteri akan menerima penghormatan Ijazah Doktor Kehormat Persuratan daripada Universiti Al Azhar, universiti tertua dunia. Beliau merupakan ketua kerajaan asing pertama yang dianugerahkan ijazah kedoktoran itu dalam masa 30 tahun.

Beliau juga akan menyampaikan ceramah pada majlis penganugerahan itu. Mulai Isnin, beliau akan menghadiri sidang kemuncak G-15.

BERNAMA

AU RON